



4 Disember 2016
SIARAN MEDIA

ANGKASA TRANSFORMASI DAN PERKASA GERAKAN KOPERASI NEGARA

Klang, 4 Disember 2016 – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) pada hari ini telah menganjurkan program Memperkasa Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri 2016 bertempat di Hotel Aliya, Klang. Majlis Perasmian program ini disempurnakan oleh **Presiden ANGKASA, YBhg Dato' Haji Abdul Fattah Haji Abdullah.**

ANGKASA sebagai badan Apeks Gerakan Koperasi Negara berfungsi meransang, membangun dan memajukan gerakan koperasi selaras dengan perkembangan dan pembangunan ekonomi negara.

Objektif program anjuran ANGKASA ini adalah bagi menyampaikan maklumat terkini mengenai halatuju ANGKASA mengikut pelan strategi oleh setiap Bahagian dan Sektor Peneraju yang telah dirangka secara terperinci bagi meningkatkan jalinan dan pertumbuhan perniagaan aktiviti perniagaan dalam sektor koperasi.

Usaha ini juga merupakan inisiatif bagi menerangkan aspirasi ANGKASA dan juga membentangkan pencapaian yang dikecapi ANGKASA Sepanjang tahun 2016 sebagai Badan Puncak Gerakan Koperasi Negara.

ANGKASA

ANGKASA adalah koperasi Apeks yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai Badan Puncak Gerakan Koperasi Malaysia. Selain daripada menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, kesatuan dan syarikat GLC, ANGKASA turut melaksanakan program transformasi koperasi melalui penyertaan projek ekonomi berimpak tinggi.

Pada masa ini ANGKASA menaungi kira-kira 12, 769 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira-kira 8 juta orang. Sehingga 31 Disember 2015 jumlah modal syer / yuran anggota adalah sebanyak RM 13.81 billion, jumlah aset RM 123.27 billion dan perolehan sebanyak RM 33.56 billion (sasaran 2015, RM37 billion; sasaran 2020, RM50 billion). (Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANGKASA telah mendapat pensijilan sistem pengurusan kualiti (ISO 9001:2008) dan sistem pengurusan keselamatan maklumat (ISO 27001:2013) yang diaudit setiap tahun oleh SIRIM QAS International.

Dikeluarkan oleh
Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA
Tel : 03-7884 6493
Faks : 03-7884 6489